

KENAPA UMAT ISLAM TERKEBELAKANG DI SAAT BANGSA LAIN MELANGKAH MAJU: ULASAN LITERATUR BAHAGIAN 1

Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan mengenai kajian mengapa umat Islam semakin mundur tetapi bangsa lain semakin maju ke hadapan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks yang mendalam dalam kerangka perspektif Islam. Sumber data primer ialah meneliti dan mengkaji pemikiran tokoh-tokoh pemikir sekular (i) Ali Ahmad Sa'id (lahir 1930) seorang penyair Syria (ii) Abdelwahab Meddeb seorang pemikir Tunisia (iii) Sadik Jalal al-'Azm seorang ahli falsafah Syria. Metodologi kajian ialah menelaah dan membuat ulasan buku "The Closing of Muslim Mind" atau terjemahannya "Tertutupnya Pemikiran Umat Islam" karya Robert. R. Reilly dan diterjemahkan oleh Shuhaib Ar Rummy Ismail serta beberapa buah buku lain yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Hasil kajian ini mendapati bahawa (i) umat Islam telah hilang daya kreatif untuk mengubah dan beradaptasi dengan dunia (ii) ketamadunan Islam yang sudah mati (iii) pemikir Islam sekarang ini tidak berminat untuk berurusan dengan pertanyaan-pertanyaan sains moden tetapi mereka lebih tertarik membicarakan mengenai persoalan keruntuhan moral.

Kata kunci: Islam, Pemikiran tertutup, Terkebelakang, Teknologi, Sains Moden

PENGENALAN

Kalau kita melihat dalam situasi masa kini dapat kita katakan bahawa umat Islam sentiasa terkebelakang di dalam banyak hal terutama dalam bidang sains dan teknologi. Walaupun umat Islam telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan hasil kekayaan bumi seperti minyak dan lain-lain logam galian serta tanah yang subur seperti di Malaysia dan beberapa negara sekitarnya yang boleh bercucuk tanam sepanjang tahun tetapi mengapa umat Islam masih terkebelakang.

Baru-baru ini kita membaca hampir setiap hari di media sosial yang menghidangkan berita bagaimana Palestin diperlakukan sedemikian rupa oleh Israel hanya kerana Palestin kurang dari segi teknologi dan ekonomi walaupun semangat juang mereka cukup tinggi. Persoalan yang sering bermain di minda penulis ialah apakah perkara yang sama boleh berlaku di Malaysia sekiranya kita tidak menguasai sains dan teknologi serta miskin dari segi ekonomi?

Dalam situasi yang begitu genting ini tidak ada negara Islam yang berani membantu Palestin dalam bentuk bantuan ketenteraan dan ini berbeza bagaimana Amerika sentiasa membantu Israel dalam apa juga bentuk bantuan samada dari segi kewangan atau teknologi ketenteraan.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini cuba mengungkap mengapa umat Islam sentiasa terkebelakang sedangkan bangsa lain melangkah maju. Kertas kerja ini merujuk sumber primer buku "Tertutupnya Pemikiran Kaum Muslimin" yang ditulis oleh Robert R. Reilly dan diterjemahkan oleh Shuhaib Ar Rummy Ismail serta disunting oleh Ahmad Farouk Musa. Tujuan buku ini diulas adalah kerana kadangkala manusia seperti R.Reilly yang melihat satu masyarakat Islam dari luar dapat menawarkan kritikan yang lebih baik yang sangat membantu ke arah mencari penyelesaian berbanding manusia yang berada dalam kelompok tersebut.

Fokus penulisan buku ini adalah mengenai kemunduran pemikiran rasional dalam peradaban Islam. Kita sering berbangga dengan zaman keemasan Islam atau zaman ketika umat Islam berada di puncak tanpa kita sedar bahawa zaman keemasan yang diperkatakan itu hanya dimungkinkan apabila sumber utama ilmu daripada wahyu dan akal bukan bergantung kepada kuasa autoriti yang melulu.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kajian yang dijalankan oleh (Muammar, 2009) cuba memahami dengan mendalam faktor-faktor kemajuan dan kejatuhan tamadun Islam pada masa lalu untuk mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Pengkaji menegaskan bahawa tidak cukup sekadar melihat kepada pencapaian-pencapaian pada masa lalu tetapi makalah ini meneliti akar-akar peradaban Islam yang dibina sejak zaman Rasulullah lagi. Menurut pengkaji, tumpuan kepada aspek pembangunan insan yang menyeluruh, memperkasakan identiti dan jati diri umat Islam melalui Tawhid ketinggian budaya ilmu dan aspek-aspek moral seperti ketinggian akhlak, keadilan dan kebijaksanaan pada pemimpin dan semangat kekitaan ('asabiyah). Pengkaji juga mengutarakan berlaku kerosakan pada akar-akar peradaban Islam seperti kekeliruan epistemologi, kerendahan dan ketidakcergasan pemikiran, hilangnya 'asabiyah dan nilai moral yang tinggi, berluasnya absolutisme dan kuku besi sebagai punca keruntuhan tamadun Islam. Pengkaji menyarankan semua perkara ini patut menjadi bahan pemikiran dan sumber aspirasi ketika umat Islam berusaha untuk bangkit semula di abad ke-21.

(Jasmi et al., 2012) di dalam kertas kerjanya bertajuk "Zaman Kegemilangan Islam" yang membuat penelitian tentang zaman kegemilangan Islam pada awal kurun ke-14 sehingga kurun ke-19. Kertas kerja ini menegaskan tentang imperial-imperial Islam seperti Safavid, Moghul dan juga Uthmaniyaah. Setiap empayar ini mempunyai zaman kegemilangan dan zaman kejatuhan masih-masih. Kajian ini membuat kesimpulan kelemahan pemimpin, pertelagahan antara rakyat dan juga kegawatan ekonomi adalah antara faktor yang menyebabkan empayar-empayar ini tidak dapat bertahan lama.

Menurut (Pozai et al., 2018) pula umat Islam mencapai kemajuan, kegemilangan ini mengalami zaman kemunduran atau kemerosotan disebabkan faktor yang tertentu. Antaranya termasuk corak pemikiran umat Islam, perpecahan, perluasan kuasa dan penjajahan serta kebergantungan kepada kuasa besar. Selain itu, ia turut dipengaruhi oleh unsur Kolonialisme, sistem pemerintahan, sistem pendidikan serta ekonomi umat Islam.

Kesimpulan yang dibuat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji (Ismail & Mohamed, 2015) merumuskan bahawa usaha dan gerakan islah dan tajdid adalah satu keperluan umat di seluruh negara lebih-lebih lagi ketika umat Islam sedang menghadapi krisis dalaman yang dikeruhkan lagi dengan campur tangan Barat. Kemuliaan orang yang melaksanakan islah dan tajdid ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Islam itu bermula dalam keadaan yang asing, dan akan kembali asing maka beruntung mereka yang asing." Ditanya baginda: "Siapakah mereka wahai Rasulullah!" Jawab baginda: "Mereka yang membaiki ketika manusia rosak". (Riwayat Ahmad).

Kajian yang dijalankan oleh (Sholikhudin, 2017) menarik untuk diteliti. Kajian ini menjelaskan bahawa agama Islam paling banyak mengalami konflik dalaman iaitu selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW konflik, permusuhan, perbezaan pandangan, perebutan kuasa berlaku hampir sepanjang sejarah Islam. Sejak abad ke-19 M pemikiran moden dalam Islam muncul di kalangan para pemikir Islam yang menaruh perhatian pada kebangkitan Islam setelah mengalami masa kemunduran dalam segala bidang sejak jatuhnya Bani Abbasiyah di Baghdad pada 1258 M akibat serangan Hulagu yang menamatkan peradaban Islam yang pada waktu itu merupakan peradaban dunia. Lahirnya pemikiran moden dalam Islam ini disebabkan oleh 2 faktor. Faktor pertama ialah tertutupnya pintu ijtihad dalam Islam khususnya di bidang pendidikan dan fiqh. Faktor kedua ialah umat Islam memberikan banyak perhatian kepada perdebatan keagamaan yang tidak berkesudahan hanya ingin menonjolkan diri agar dilihat lebih berilmu dari yang lain. Faktor-faktor dalaman yang dinyatakan dalam kajian ini ialah (i) kemunduran pemikiran umat Islam (ii) bercampur aduk unsur dari Islam dan bukan Islam (iii) perbezaan fahaman (iii) fanatisme Arab iaitu apa saja budaya Arab akan dianggap sebagai Islam yang sebenar (iv) faktor ekonomi dan kemiskinan yang menghalang umat Islam untuk menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang kritikal.

Setelah kita meneliti beberapa kajian lepas yang dapat saya petik saya ingin memberi tumpuan kajian ini kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh tokoh-tokoh dari luar negara berkenaan dengan isu kemunduran umat Islam di dunia pada hari ini. Tokoh yang akan saya bincangkan dalam kajian ini iaitu bahagian satu (i) Ali Ahmad Sa'id (lahir 1930) seorang penyair Syria (ii) Abdelwahab Meddeb seorang pemikir Tunisia sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam abstrak kajian ini.

Ali Ahmed Sa'id (Adonis) (Latar belakang)

Ali Ahmed Said atau nama penanya Adonis digambarkan sebagai salah satu penyair terkemuka dunia Arab dan salah seorang intelektual dan pengkritik terkenal, penyair Syria-Lubnan. Adonis terkenal bukan hanya sebagai penyair inovatif dan pendahulu modenisme puitis di dunia Arab tetapi juga sebagai pengkritik sastera, esei, editor antologi dan penterjemah. Beliau menjadi penyair terkemuka dalam puisi dan budaya Arab selama lima dekad dan dianggap oleh banyak pihak sebagai penyair Arab moden yang paling berpengaruh terutama di barisan depan apa yang telah disebut "Revolusi penyair baru".

Dilahirkan dari keluarga tani yang sederhana pada Januari 1930 berasal dari kampung al-Qassabin berhampiran bandar Latakia di Barat Syria. Dia tidak mendapat pendidikan formal untuk sebahagian besar masa kecilnya dan pendidikan awal beliau belajar dari al-Quran dan menghafal puisi Arab klasik yang diperkenalkan oleh ayahnya dan beliau telah mula menghasilkan puisi dengan menggunakan nama samaran Adonis.¹

Ali Ahmed Said dibesarkan di bandar kecil Qassibin, berhampiran Latakia di Syria. Sebagai seorang anak lelaki dia sering bekerja di ladang tetapi ayahnya seorang pelajar budaya Arab dan teologi Islam mahu memastikan Ali Ahmed Said menguasai bidang puisi Arab. Ketika berusia 14 tahun beliau sudah menulis ayat-ayatnya sendiri. Beliau telah memilih nama pena Adonis untuk meningkatkan peluang penerbitannya. Setelah sekolah awal di Tartus, penyair itu mempelajari undang-undang dan falsafah di *University of Damascus* pada tahun 1954 dengan memperoleh Ijazah Sarjana. Beliau seterusnya menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah pada tahun 1973 dalam bidang kesusasteraan Arab dari Universiti Saint Joseph. Semasa berkhidmat dalam tentera Syria dia dipenjarakan kerana pandangan politiknya.

Adonis telah memberi tumpuan kepada budaya Arab dan tradisi puitis Arab. Pernyataan puitis secara beransur-ansur mengenai pandangan politik dan sosialnya berkembang menjadi pencarian identiti diri, identiti nasional dan harapan masa depan bagi masyarakat dan budaya Arab. Beliau cuba menghindari pernyataan langsung dengan menulis dalam bentuk kiasan yang lebih rumit. Keprihatinan sosialnya aspirasi masyarakat Arab dan harapan untuk reformasi sejagat, mencari ekspresi dalam perubahan bahasa. Menurut penulis biografi Kamal Abu Deeb, puisi Adonis bertujuan untuk "mengubah dunia dan membawa perubahan asas bahasa".

Kini Adonis tinggal di Paris tetapi sering kembali ke Beirut, Lebanon. Beliau telah menerima banyak penghargaan untuk puisinya seperti Anugerah Puisi Nâzim Hikmet Antarabangsa yang pertama, Anugerah Penyair Terbaik Syria Lebanon, anugerah tertinggi Biennial Puisi Antarabangsa di Brussels dan Pingat Goethe dari Goethe-Gesellschaft. Pada tahun 1983 beliau terpilih sebagai Ahli Akademi Stephan Mallarme di Paris dan pada tahun 1986 beliau menjadi tetamu kehormat dalam pertemuan Pen Club di New York dan mereka telah mencalonkan Adonis sebagai Penolong Tetap Perwakilan Liga Arab di UNESCO. Dia telah beberapa kali disebut sebagai calon Hadiah Nobel untuk sastera. Adonis dianggap memainkan peranan penting dalam modernisme Arab yang setanding dengan T.S Eliot dalam puisi berbahasa Inggeris.

Abdelwahab Meddeb (Latar belakang)

Abdelwahab Meddeb adalah seorang penyair, novelis, penterjemah, penyunting, pengkritik budaya, pengulas politik, intelektual dan profesor perbandingan di Universiti Paris X-Nanterre.

Meddeb dilahirkan di Tunisia pada tahun 1946 dan mula belajar al-Quran pada umur 4 tahun. Pada tahun 1967, Meddeb berpindah ke Paris untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Sorbonne, Perancis dalam bidang sejarah seni. Dari tahun 1974-1987 dia membantu masyarakat di Perancis membaca klasik sastera Arab dan Parsi. Meddeb banyak mengajar sastera perbandingan dan tasawuf di universiti Paris-Descartes, Genève, Yale dan Florence.

¹ <https://www.aub.edu.lb/doctorates/recipients/Pages/adonis-profile.aspx>

Beliau melihat dirinya sebagai individu kosmopolitan Arab-Eropah yang sangat sekular dan keprihatinan utamanya adalah kebangkitan semula penumpuan intelektual sejarah pemikiran Islam, Yahudi dan Kristian yang telah hilang selama berabad-abad. Ini tercermin dalam buku terakhirnya yang ditulisnya bersama Benjamin Stora dan diterbitkan pada tahun 2013 berjudul "Sejarah Hubungan antara Yahudi dan Muslim" berbahasa Perancis dari asal-usul mereka hingga sekarang. Beliau juga mengkritik lelaki yang berjagat dan perempuan yang berjilbab. Kritikan ini membuatkan ramai orang Islam memandang dia dengan curiga.

Beliau dilahirkan dalam keluarga sarjana teologi yang disegani. Pada usia remaja beliau memberontak terhadap paksaan oleh arahan agama tradisional yang dicirikan oleh beliau sebagai belajar melalui hafalan. Beliau kemudiannya pergi ke Perancis untuk mempelajari sastera dan sejarah seni. Suasana di Perancis sangat merangsang intelektual beliau.

Menurut Bettina David, hubungan pertama Abdelwahab Meddeb dengan karya penyair sufi abad pertengahan, Ibn Arabi telah membuka pintu yang membawanya dari pasca-modernisme Perancis kembali ke akar Arab-Islam iaitu kekayaan mistik-falsafah tradisi lain

Sadiq Jalal al-Azm (Latar belakang)

Beliau merupakan Profesor Emeritus Falsafah Eropah Moden di Universiti Damsyik di Syria sehingga 2007 dan merupakan profesor pelawat di Jabatan Pengajian Timur di Universiti Princeton. Bidang pengkhususan utama ialah karya ahli falsafah Jerman Immanuel Kant tetapi kemudiannya beliau memberikan penekanan yang lebih besar kepada dunia Islam dan hubungannya dengan Barat. Ini dapat dibuktikan melalui sumbangannya melalui wacana mengenai Orientalisme. Al-Azm juga dikenali sebagai penyokong kebebasan intelektual dan kebebasan bersuara.

Al-Azm dilahirkan di Damsyik, Syria. Keluarga Al-Azm berasal dari Turki dan menjadi terkenal pada abad kelapan belas di bawah pemerintahan Empayar Uthmayyah. Ayah Al-Azm bernama Jalal al-Azm merupakan seorang sekularis yang terkenal dan dikagumi oleh Mustapha Kamal Ataturk ketika pembaharuan sekular di dalam Republik Turki

Al-Azm bersekolah di Beirut, Lubnan dan memperolehi B.A dalam Falsafah dari Universiti Amerika Beirut pada tahun 1957 dan memperolehi sarjana pada tahun 1959 dan seterusnya memperolehi ijazah doktor falsafah pada tahun 1961 dari Universiti Yale dalam bidang Falsafah Eropah Moden

Beliau merupakan profesor Falsafah Eropah Moden di Jabatan Falsafah dan Sosiologi di Universiti Damascus dari tahun 1977 hingga 1999. Beliau terus aktif menyampaikan kuliah di universiti Eropah dan Amerika sebagai profesor pelawat. Pada tahun 2004, beliau memenangi Hadiah Erasmus dengan Fatema Mernissi dan Abdulkarim Soroush. Pada tahun yang sama juga beliau menerima Hadiah Dr. Leopold Lucas yang dianugerahkan bagi pihak Fakulti Protestan Universiti Tübingen oleh Guru Besar Eilert Hermsdengen atas sumbangan makalah bertajuk bertajuk "Islam dan Humanisme Sekular"² Pada tahun 2005, beliau menjadi Dr. Honoris Causa di Universiti Hamburg dan pada tahun 2015 beliau dianugerahkan Pingat Goethe oleh presiden Institut Goethe.

PERBINCANGAN

Adonis ini digambarkan sebagai seorang yang menolak warisan intelektual budaya Arab. Dalam mengkaji budaya Arab, Adonis menekankan konsep warisan akan memecahkan kemodenan. Kritikan Adonis supaya budaya Arab menerima penerapan nilai-nilai Barat dari segi paradigma gaya hidup terutama sains dan teknologi yang harus diakui sebagai perkembangan paling revolusioner dalam sejarah umat manusia. Kebenaran yang dibuktikan oleh sains tidak seperti kebenaran dari sudut falsafah atau seni. Kebenaran dari sudut sains ialah kebenaran yang mesti diterima oleh semua pihak kerana ianya dapat dibuktikan samada dari segi teori atau amali. Walau bagaimanapun, menurut Adonis sains bersifat dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Oleh sebab itu sains tidak mampu untuk memenuhi kesemua keperluan manusia terutama masa lalu.

Apabila ditanya kepada Adonis apakah yang beliau maksudkan dengan "kemajuan di dalam sains dan teknologi" seperti yang diungkap di dalam puisi beliau. Adonis menjawab "tidak ada". Menurut Adonis kemajuan yang ingin dicapai di dalam sains ialah mencari fenomena, keseragaman, ramalan serta keboleh ulangan tetapi kemajuan dalam seni ialah mencari kegembiraan, pergerakan dan ragam dalam kehidupan.

Adonis banyak menumpukan perhatian kepada persoalan 'moden' dalam kesusasteraan Arab dan masyarakat³. Beliau menekankan tentang istilah tempatan yang lebih khusus. Di dalam buku berjudul "Pengantar Puisi Arab" Adonis mengkaji tradisi lisan puisi Arab pra-Islam dan hubungan antara Arab dan al-Qur'an serta pemikiran.

Menurut Adonis jika saya melihat orang-orang Arab dengan seluruh sumber daya dan keupayaan mereka dan saya bandingkan dengan pencapaian mereka selama abad terakhir yang mampu diraih oleh bangsa lain dalam tempoh yang sama maka saya harus menyatakan orang Arab berada dalam fasa kepupusan atau dalam erti kata lain bangsa Arab tidak mempunyai kreativiti.

Beliau juga merujuk kepada peradaban Sumeria kuno, peradaban Yunani kuno dan Peradaban Mesir Kuno yang kesemuanya sudah pupus. Tanda yang paling jelas kepupusan peradaban Arab ialah "berdepan dengan peradaban dunia yang baru berserta gagasan-gagasan yang sudah tidak wujud dan dalam konteks yang sudah usang".

Namun, Pada 27 Januari 1995 Adonis telah diusir dari Kesatuan Penulis Arab kerana Adonis telah bertemu dengan orang Israel di sebuah perjumpaan di Granada, Sepanyol. Seorang pengkritik terkenal mengenai nilai dan tradisi Islam telah menggambarkan Adonis sebagai seorang yang tidak beragama⁴. Adonis telah menerima ancaman bunuh melalui Fatwa oleh orang Mesir bernama Syeikh Mohamad Said Raslan yang menuduh Adonis meninggalkan nama Muslimnya Ali dan mengambil nama kafir. Adonis juga dituduh sebagai pejuang yang menentang Islam dan menuntut agar buku-buku Adonis diharamkan.

² <http://www.doiserbia.nb.rs/img/doi/0353-5738/2013/0353-57381301293D.pdf>

³ Encyclopedia Britannica Al-Thabit wa al mutahawwil (1974-1978)

⁴ Adonis: ISIS and Nusra didn't fall from Sky. Syarahan Adonis di 46th Cairi International Book fair Theme Culture and Renovation. Tajuk Syarahan Adnis ialah "Towards a New Religious Discourse" bertarikh 5 Feb 2015.

Pada tahun 2013, sarjana Islam Abdelfetah Zeraoui Hamadache meminta buku-buku Adonis dibakar⁵. Adonis menyatakan beliau tidak merasa sedih buku-bukunya dibakar kerana fenomena lama dalam sejarah kita. Beliau berjuang untuk mencari dialog dan perdebatan dengan cara yang damai. Menemukan perbezaan pendapat adalah sumber kekayaan⁶.

Pemikir Tunisia Abdelwahab Meddeb di dalam bukunya berjudul *Contre-Preches (Lawan-Dakwah)* mengajak pembaca untuk berfikir dan cuba membayangkan sekiranya diadakan satu pertemuan besar dari seluruh dunia dari berbagai-bagai tamadun seperti Eropah, Amerika, Jepun, China, India, Arab dan Muslim dan setiap perwakilan bagi peradaban tersebut akan ditanya mengenai sumbangan mereka terhadap kemanusiaan pada masa ini dan akan datang jawapan apakah yang akan diberikan oleh Muslim Arab? Jawapan tidak ada kecuali "sufisme".

Seperti beberapa yang lain, Abdelwahab Meddeb membuat kesimpulan yang meyakinkan untuk berpendapat bahawa kreativiti, pengembangan dan daya hidup hanya mungkin dilakukan melalui pemikiran bebas, melintasi batas dan "kesetiaan tidak setia" dan bukan melalui moral yang kaku tekanan untuk mematuhi atau yang lain penolakan yang melampau dan penolakan tradisi yang menghina.

Seorang ahli falsafah terkemuka Syria, Sadik Jalal al-Azm pula mengatakan bahawa pemikir Islam sekarang tidak lagi berurusan dengan masalah dan pertanyaan-pertanyaan sains moden tetapi mereka lebih tertarik kepada perkara-perkara seperti adab, akhlak dan sebagainya.

Al-Azm menjadi pusat kontroversi politik pada bulan Disember 1969 ketika dia ditangkap *tanpa hadir* dengan penerbitnya oleh pemerintah Lubnan. Beliau dipenjarakan pada awal Januari 1970 dan didakwa kerana menulis sebuah buku yang bertujuan untuk menimbulkan permusuhan di kalangan mazhab agama di Lebanon. Buku tersebut telah diterbitkan dalam pelbagai bentuk makalah seperti jurnal dan majalah. Buku *Naqd al-Fikr al-Dini (Kritikan Pemikiran Agama)* terbitan Dar al-Taliah, Beirut. Al-Azm memberi teguran terhadap pemimpin politik dan agama kerana media menyokong mereka untuk mengeksploitasi sentimen keagamaan di kalangan penduduk. Dia menerapkan kritik Marxis-materialis terhadap agama bukan untuk memperlekehkan komitmen agamawan tetapi untuk memperlihatkan bagaimana rejim Arab menggunakan agama sebagai tongkat untuk menenangkan masyarakat Arab serta menutupi ketidakcekapan serta kegagalan yang mereka lakukan.

Al-Azm dibebaskan dari penjara pada pertengahan Januari 1970 setelah mahkamah memutuskan secara konsensus untuk menggugurkan tuduhan yang diajukan terhadap defendan Sadiq Al-Azm dan Bashir Al-Daouk kerana kurangnya unsur-unsur jenayah yang dituduh mereka.

KESIMPULAN

Dalam persengketaan antara peranan akal dan ketidakrasionalan maka muncullah teologi pincang yang melahirkan patologi spiritual serta adat resam dan budaya yang tidak berfungsi secara teratur dan tersusun atau beramal dengan tuntutan agama tanpa memahami atau tanpa cuba meningkatkan ilmu untuk memahami apakah dalil-dalil dan hujah sesuatu perintah atau larangan al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan ijihad atau qiyas.

Prinsip Islam terhadap ilmu, membaca serta memahami sesuatu dengan nama Allah seperti yang terkandung di dalam Surah al-Alaq yang juga merupakan satu 'katakunci' bagi umat Islam apabila ia adalah perkataan pertama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW "Bacalah" yang menuntut manusia berfikir secara kreatif dan beramal di atas dalil yang yakin dan jelas.

Tujuan tinjauan pemikiran yang dibuat daripada ketiga-tiga tokoh pemikir sekular ini adalah bertujuan untuk melihat pandangan mereka dari lensa sekular terhadap kemunduran umat Islam sebagaimana yang diperkatakan oleh pujangga kritikan dan teguran adalah guru terbaik bagi kita.

Menurut Adonis, Menurut Adonis jika saya melihat orang-orang Arab dengan seluruh sumber daya dan keupayaan mereka dan saya bandingkan dengan pencapaian mereka selama abad terakhir yang mampu diraih oleh bangsa lain dalam tempoh yang sama maka saya harus menyatakan orang Arab berada dalam fasa kepupusan atau dalam erti kata lain bangsa Arab tidak mempunyai kreativiti.

Menurut Meddeb, beliau cuba membayangkan sekiranya diadakan satu pertemuan besar dari seluruh dunia dari berbagai-bagai tamadun seperti Eropah, Amerika, Jepun, China, India, Arab dan Muslim dan setiap perwakilan bagi peradaban tersebut akan ditanya mengenai sumbangan mereka terhadap kemanusiaan pada masa ini dan akan datang jawapan apakah yang akan diberikan oleh Muslim Arab? Jawapan tidak ada kecuali "sufisme".

Menurut Al-Azm, pula mengatakan bahawa pemikir Islam sekarang tidak lagi berminat untuk berurusan dengan masalah dan pertanyaan-pertanyaan sains moden tetapi mereka lebih tertarik kepada perkara-perkara seperti adab dan moral yang mamakan masa perbincangan berkun-kun.

⁵ Adonis: fatwa calling for burning my books in Algeria is shameful
<http://www.echoroukonline.com/ara/mobile/articles/189272.html>

⁶ Adonis: fatwa calling for burning my books in Algeria is shameful.
<http://www.echoroukonline.com/ara/articles/189272.html?print>

RUJUKAN

- Ismail, M. Z., & Mohamed, N. (2015). Islah Dan Tajdid : Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, September*, 679–690.
- Jasmi, K. A., Othman, S. N., & Walter, A. S. (2012). Zaman Kegemilangan Islam. *Seminar Tamadun 2012, April*, 333–348. http://eprints.utm.my/36105/1/JasmiKA2012_ZamanKegemilanganIslam.pdf
- Muammar, K. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam : *Jurnal Hadhari, Bil. 2*, 15–31.
- Pozai, M. H., Ahmad, M. S., Basiron, B., Nasih, A., Menurut, P. A., Islam, P., & Kuala, V. (2018). Kemunduran Umat Islam dalam Sains dan Teknologi. *Jurnal Sejarah, 4*.
- Sholikhudin, A. (2017). Merebut Kembali Kejayaan Islam Analisis Internal dan Eksternal Penyebab Kemunduran Islam. *Jurnal Pendidikan Agama Islam, 3*, 135–148.

Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Email: azaruddin@ikim.gov.my